

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

### **MESYUARAT KEDUA, TAHUN PERTAMA, DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS, PERAK DARUL RIDZUAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**PADA HARI RABU, 21 DISEMBER 2022**

---

#### **1. YB ENCIK RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL)**

Jenis dan pembahagian tanah dinegeri Perak yang telah diceroboh

- a) Mohon pihak kerajaan negeri menerangkan mengenai berapakah peratus dan jumlah sebenar keluasan tanah di negeri Perak yang telah dikenalpasti diceroboh oleh pihak tertentu mengikut klasifikasi seperti tanah rizab melayu, tanah kerajaan persekutuan, tanah agensi kerajaan, tanah hutan simpan, tanah rizab awam dan lain-lain?
- b) Sila nyatakan bersama jenis pembangunan atau aktiviti pencerobohan yang telah didirikan diatas tanah tersebut di negeri Perak?
- c) Apakah langkah -langkah kerajaan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah pencerobohan ini dan berapa peratuskah yang berjaya dikembalikan semula tanah tersebut?

#### **2. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS )**

Keadaan jalan persekutuan di Perak kurang memuaskan.

- a) Nyatakan jumlah peruntukan yang diperlukan kerajaan bagi membaik pulih semua jalan PERSEKUTUAN yang rosak di Perak, dan jumlah peruntukan diterima oleh Jabatan Kerja Raya mengikut pecahan daerah.
- b) Nyatakan jumlah peruntukan yang diperlukan kerajaan bagi membaik pulih semua jalan NEGERI yang rosak di Perak, dan jumlah peruntukan diterima oleh Jabatan Kerja Raya mengikut pecahan daerah.
- c) Nyatakan jumlah kemalangan direkodkan yang berpunca daripada keadaan fizikal jalan raya termasuk jalan berlubang, kerja-kerja pembinaan serta kekurangan pencahayaan lampu jalan.

**3. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI ( KUALA KURAU )**

Industri Perikanan di Daerah Kerian

- a) Apa perancangan kerajaan dlm memperkasa industri perikanan
- b) Apa usaha menggalakkan industri laut dalam berkembang
- c) Apa usaha menggalakkan golongan muda terlibat dlm industri perikanan

**4. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG ( ASTAKA )**

YB Jason Ng Thien Yeong (ASTAKA) minta Menteri Besar menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk menyelesaikan masalah ‘brain drain’ ataupun emigrasi golongan intelektual di negeri Perak terutamanya dalam usaha penciptaan peluang pekerjaan bergaji tinggi bagi golongan belia di Perak

**5. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN ( PASIR PANJANG )**

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kemajuan Pulau Pangkor setelah diistiharkan sebagai Pulau Bebas Cukai. Sehingga kini, tiada perubahan ketara yang berlaku

**6. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Tempat pembuangan sampah pasar awam Menglemu.

- a) Apakah cadangan / tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah sampah yang terlalu banyak dan kekurangan tong roro di tempat pembuangan sampah pasar awam Menglembu?
- b) Apakah tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah mendapan tanah yang telah wujud lama di tempat letak tong roro di pasar awam Menglembu?
- c) Apakah rancangan kerajaan bagi membangunkan pasar awam di Impiana Adril Menglembu yang telah terbengkalai lama?

**7. YB DR. NAJIHATUSALEHAH BINTI AHMAD ( BOTA )**

Adakah Program Tuisyen Cikgu Saarani yang diadakan sebelum ini akan diteruskan?

- i) Bolehlah tuisyen tersebut juga dipanjangkan kepada pelajar -pelajar dari sekolah persendirian seperti SMITI?

**8. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD ( MANONG )**

Minat anak muda semakin tinggi untuk menjadi 'content creator' seperti 'tik toker' dan 'youtuber'. Mereka menghasilkan pelbagai produk visual dan kandungan kreatif. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberi bimbingan, kefahaman dan kesedaran kepada anak muda Perak supaya produk visual dan kandungan kreatif yang dihasilkan menepati adat dan budaya tempatan dan tidak bertentangan dengan nilai agama dan norma kehidupan?

**9. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY ( HUTAN MELINTANG )**

- a) Sila nyatakan program baru yang ditawarkan kepada wanita pada tahun 2022?
- b) Sila kemukakan jadual perlaksanaan atau perancangan tahunan untuk program wanita tahun 2022 khususnya ibu tunggal dan ibu tinggal?

**10. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG ( CHENDERIANG )**

Perkhidmatan pengangkutan awam lebih efisien di Kawasan Tapah

- a) Adakah kerajaan berhasrat memastikan rangkaian dan liputan pengangkutan awam yang menyeluruh dan efisien di kawasan Tapah?
- b) Apakah Langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam antara station keretapi Tapah dan pusat bandar Tapah serta antara pusat bandar dan kawasan perkampungan luar bandar?
- c) Adakah rancangan pembinaan terminal/ stesen pengangkutan awam bersepadu bagi pengangkutan rel, bas, taxi, e-hailing dan sebagainya yang terlibat di kawasan Tapah? Jika ada, nyatakan jangkaan masa bermula rancangan tersebut

**11. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Masalah haiwan rayau seperti lembu dan kerbau sering mendatangkan ancaman keselamatan bagi pengguna jalanraya terutama pada waktu malam. Apakah tindakan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah ini?

**12. YB PUAN WONG CHAI YL ( SIMPANG PULAI )**

Apakah penilaian prestasi perkhidmatan Syarikat Puncak Emas Infra Sdn Bhd sebagai syarikat konsesi sepanjang 3 tahun secara keseluruhannya dan untuk Daerah Kinta? Berapakah e-aduan PEISB diterima sepanjang tahun 2020, tahun 2021 dan tahun 2022 untuk Daerah Kinta? Secara purata, berapa lama untuk satu kes e-aduan PEISB dapat diselesaikan?

**13. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS ( BATU KURAU )**

Batu Kurau ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar Perak, kenapa kerja-kerja pemasangan paip besar di loji kedua Kampung Sempeneh diteruskan walaupun mendapat bantahan dari penduduk-penduduk

**14. YB ENCIK CHEAH POU HIAN ( JELAPANG )**

Terdapat aduan jalan berlubang di Jalan Ng Seong Teik yang sudah tiga kali berulang walaupun aduan telah diajukan kepada pihak Puncak Emas Infra Sdn. Bhd.

Ini jelas menunjukkan pihak Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. Tidak efektif kerana lambat mengambil tindakan serta tidak menjalankan tugas dengan baik.

Dalam kes kali ke-3 ini, mereka hanya meletakkan kon selama 4 bulan namun sehingga sekarang tidak mengambil sebarang tindakan.

- a) Apakah SOP pihak Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. dalam menyelesaikan setiap aduan yang diterima.
- b) Seterusnya, adakah sebarang perubahan dan apakah perancangan masa hadapan Unit Pemantauan MBI dalam memantau kerja-kerja pihak Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. agar lebih efektif dan berkualiti

**15. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)**

Lapangan Terbang Antarabangsa Negeri Perak

- a) Adakah Kerajaan Negeri Perak berhasrat untuk meneruskan usaha kerajaan sebelum ini untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa di Negeri Perak
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membatalkan perjanjian jual beli Tanah Lapangan Terbang Seri Iskandar memandangkan tanah tersebut belum dipindah hak milik dan masih di bawah hak milik kerajaan negeri

**16. YB ENCIK AZMAN BIN NOH ( PENGKALAN BAHARU )**

Berkaitan Projek Lembangan Sungai Bruas apakah sudah pasti ianya akan dilaksanakan dalam tahun 2023 nanti dan apakah kerja kerja melibatkan pembinaan jambatan baru yang melibatkan JKR termasuk didalam pakej ini sekali, kerana ianya dilaksanakan oleh JPS sudah tentu ia tidak melibatkan dengan lain agensi seperti JKR. Saya yakin andai pihak JKR tidak melakukan kerja kerja membina jambatan baru menggantikan culvert lama sudah pasti projek yang akan dilaksanakan oleh JPS ini tidak akan berhasil

**17. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)**

Apakah pencapaian fdi & ddi sehingga suku ketiga tahun ini berbanding unjuran & apakah langkah2 yg telah & akan diambil utk mempastikan negeri perak akan memcapai sasaran utk fdi & ddi bagi tahun 2022?

**18. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)**

Adakah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak (JPS) ada mewujudkan jadual penyelenggaraan parit bagi seluruh Negeri Perak?

Mengapa masih ada lagi aduan dan keluhan penduduk di Ladang Baru dan Tanjung Sari dan beberapa tempat yang lain. Apa bila berlaku hujan lebat kenaikan paras air akan naik kerana punca besarnya adalah parit sumbat. Jadi mohon tindakan segera lebih-lebih lagi pada musim tengkujuh dan air pasang

**19. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)**

Apakah status pembinaan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Hilir Perak di Kampung Attaduri, Langkap